

Headline	6.96 juta pengguna elektrik domestik di Semenanjung tak dikenakan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Mar 2024	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	14
ArticleSize	154 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 15,297		



6.96 juta pengguna elektrik domestik di Semenanjung tak dikenakan SST

Kuala Lumpur: Sejumlah 84.3 peratus atau 6.96 juta pengguna kategori perumahan di Semenanjung tidak terjejas dan tidak dikenakan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) bagi cukai dalam perkhidmatan elektrik. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dalam kenyataan berkata, baki 15.7 peratus atau 1.29 juta pengguna sama yang menggunakan elektrik melebihi 600 kilowatt jam (kWj) pula akan mengalami kenaikan bil bulanan. Kenaikan antara satu sen hingga

RM45.48 sebulan atau 0 hingga 1.66 peratus sebulan dengan kenaikan kadar cukai perkhidmatan daripada enam ke lapan peratus mulai esok. "Kerajaan pada 28 Februari 2024 mengumumkan reformasi percukai-an membabitkan kenaikan kadar cukai perkhidmatan daripada enam ke lapan peratus berkuat kuasa mulai 1 Mac 2024 (hari ini). "Bagi perkhidmatan elektrik, cukai perkhidmatan hanya dikenakan ke atas kadar penggunaan lebih 600 kWj. Subsidi dilaksanakan secara

bersasar ini antara pendekatan kerajaan memastikan subsidi diberikan kepada rakyat yang memerlukan. "Pengguna disarankan untuk merujuk kepada bil elektrik bulanan masing-masing bagi memantau penggunaan elektrik dan subsidi diberikan. "Selain itu, pengguna boleh menanggung kos bil elektrik bulanan pada masa akan datang dengan menggunakan kalkulator tarif elektrik yang dapat dicapai melalui laman sesawang myelectricitybill.my," katanya.